

**Kata Kunci:**  
**Korban**  
**Kepentingan diri**  
**Utama**  
**Seimbang**



**Majlis Ugama Islam Singapura**

**Khutbah Jumaat**

**29 Mei 2026 / 12 Zulhijjah 1447H**

**Korbankan Keakuan, Kukuhkan Kekitaan**

أَحْمَدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ. أَشْهَدُ أَنْ  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Zumratal mukminin rahimakumullah,**

Bertakwalah kepada Allah s.w.t. dengan sebenar-benar takwa. Taati segala perintah-Nya dan hindari segala tegahan-Nya. Semoga Allah s.w.t. menerima segala ketaatan yang kita persembahkan kepada-Nya. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

**Saudara yang dirahmati Allah,**

Pada musim Aidiladha ini, ramai di kalangan umat Islam yang melakukan ibadah **korban**. Di sebalik penyembelihan haiwan **korban**, tersirat roh **pengorbanan** yang lebih besar – iaitu kesediaan untuk **mengorbankan** sifat **mementingkan diri** sendiri serta mendahulukan kebaikan orang lain. Inilah mesej utama khutbah pada hari ini.

**Saudaraku,**

Perhatikan kisah Nabi Ibrahim a.s. dan Nabi Ismail a.s., di mana kita melihat satu contoh **pengorbanan** dan ketaatan kepada Allah s.w.t. Nabi Ibrahim a.s. telah lama berdoa memohon zuriat, dan permintaannya hanya diperkenankan setelah baginda menjangkau usia lanjut. Allah s.w.t. mengurniakan baginda seorang anak yang sangat dicintai, iaitu Nabi Ismail a.s. Tetapi, apabila Nabi Ismail meningkat remaja, datang pula perintah Allah s.w.t. yang amat berat. Firman Allah s.w.t. dalam Surah As-Saffat, ayat 102:

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنَئُ إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ  
فَأَنْظِرْ مَاذَا تَرَى قَالَ يَا أَبَتِ افْعَلْ مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ  
اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ ﴿١٠٢﴾

Yang bermaksud: *“Maka ketika (anaknya) sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, beliau berkata: ‘Wahai anakku, sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku menyembelihmu. Maka fikirkanlah apa pandanganmu?’ (Nabi Ismail) Berkata: ‘Wahai ayahku, lakukanlah apa yang diperintahkan (kepadamu). Insya-Allah kamu akan mendapatiku termasuk dalam kalangan orang-orang yang sabar.’”*

**Saudara sekalian,**

Andai kedua-dua Nabi Ibrahim a.s. dan Nabi Ismail a.s. mengutamakan **kepentingan diri** sendiri, barangkali mereka tidak akan terdorong melaksanakan perintah tersebut.

Nabi Ibrahim a.s. mungkin sahaja mengabaikannya kerana tidak bersedia **mengorbankan** anak kesayangan yang begitu lama dinantinya. Manakala Nabi Ismail a.s. pula mungkin sahaja membantah kerana usianya yang masih muda dan mempunyai masa depan yang panjang.

Kesimpulannya, ayat ini bukan sekadar menceritakan tentang keimanan dan ketaatan utuh dua beranak ini terhadap perintah Allah. Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail juga mempamerkan sifat sedia **mengorbankan kepentingan diri** sendiri demi mencapai sesuatu kebaikan atas dasar perintah Allah s.w.t. dan mencapai keredaan-Nya.

**Saudara sekalian,**

Inilah roh Aidiladha yang perlu kita hayati dalam kehidupan seharian kita. Dunia hari ini semakin cenderung kepada sikap individualistik. Ada yang terlalu **mementingkan diri** sendiri sehingga tidak lagi peka terhadap kesusahan orang lain. Mungkin sahaja, kita yang lebih kerap bertanya: *“Apa yang aku dapat?”* tetapi jarang bertanya: *“Apa yang orang lain perlukan daripadaku?”*

Sedangkan Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Yang bermaksud: “Tidak sempurna iman seseorang daripada kamu sehingga dia mencintai untuk saudaranya apa yang dia cintai untuk dirinya sendiri.” (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Dalam Surah Al-Hasyr pula, Allah s.w.t. memuji golongan Ansar atas sifat mereka yang ringan tulang menghulurkan bantuan kepada orang lain sekalipun mereka juga dalam keadaan memerlukan.

### **Sidang jemaah yang dikasihi Allah,**

Untuk menghidupkan roh **pengorbanan** ini, mimbar ingin menekankan dua pengajaran utama:

#### **Pertama: Belajarlah melihat dari sudut pandang pihak yang memerlukan**

Banyak kerosakan di merata dunia berpunca daripada sifat tamak dan terlalu **mengutamakan** diri sendiri. Hari ini, ada yang sanggup menindas demi mengaup keuntungan. Ada juga yang terlalu berkira untuk membantu walaupun mempunyai kemampuan. Ada yang bersikap tidak peduli terhadap kesusahan dan kemelaratan insan.

Sedangkan Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud: “Seorang mukmin bukanlah seorang yang kenyang

*sedangkan jiran di sampingnya berada dalam keadaan kelaparan.” (Riwayat Abu Ya’la)*

Dalam keadaan ekonomi yang semakin mencabar hari ini, ramai yang sedang bergelut dengan kos kehidupan, tekanan pekerjaan dan beban kewangan. Justeru, masyarakat yang kukuh bukan dibina atas sikap **mementingkan diri** sendiri, tetapi dengan sikap saling membantu dan saling menguatkan.

Bantuan tidak semestinya merupakan satu sumbangan yang besar. Ia mungkin sekadar dengan bertanya khabar, membantu ahli keluarga yang keletihan, berkongsi rezeki, atau mengukirkan senyuman mahupun melafazkan kata-kata yang baik. Kebaikan yang kecil tetapi dilakukan dengan ikhlas mampu mengukuhkan hubungan sesama manusia.

## **Kedua: Islam mengajar kita tentang keseimbangan**

**Mengutamakan** orang lain tidak bermaksud kita mengabaikan diri sendiri. Allah s.w.t. juga telah berfirman dalam Surah Al-Isra, ayat ke-29 yang bermaksud: *“Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu (terlalu kedekut), dan jangan pula engkau menghulurkannya secara berlebihan (terlalu boros), nanti engkau akan menjadi tercela dan menyesal.”*

Islam mendidik kehidupan yang **seimbang**. Apabila kita mampu mencapai **keseimbangan** ini, kebajikan diri sendiri akan terjaga, dan mereka yang di sekeliling kita turut sama merasakan manfaatnya. Kehidupan menjadi lebih tenang, keluarga menjadi

lebih harmoni dan masyarakat menjadi lebih kukuh dalam kesatuan.

### **Sidang jemaah yang dirahmati Allah,**

Aidiladha mengingatkan kita bahawa **pengorbanan** yang paling sukar kadangkala terletak pada sifat **mengutamakan kepentingan diri** sendiri. Oleh itu, sesuai dengan panduan agama, bersamalah kita melatih diri supaya dapat melihat keperluan orang lain, serta mencapai **keseimbangan** dalam menjaga maslahat diri sendiri serta insan di sekeliling.

Semoga kita menjadi insan yang sentiasa menyebarkan rahmah dan kebaikan, **mengutamakan** manfaat bersama dan membina umat yang kukuh dan disulami kasih sayang. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَى عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارِضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنَّا مَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا رَحِيمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْخُرْبَ وَالْإِعْتِدَاءَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْتَوْدِعُكَ أَنْفُسَنَا وَأَهْلَنَا وَبِلَادَنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِ الْمُفْسِدِينَ، وَكَيْدِ الْمُعْتَدِينَ، وَظُلْمِ الظَّالِمِينَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي مُخَوَّرِهِمْ، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ.

اللَّهُمَّ يَا مُتَرَلِ الْكِتَابِ، وَيَا مُجْرِي السَّحَابِ، وَيَا هَازِمِ الْأَحْرَابِ، أَهْرَمِ  
الْأَحْرَابِ، وَأَنْصُرِ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعَفِينَ فِي عَرَّةٍ وَفِي فِلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ  
عَامَّةً، يَا رُحِمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ بَدِّلْ خَوْفَهُمْ أَمْنًا، وَحُزْنَهُمْ فَرَحًا، وَهَمَّهُمْ  
فَرَجًا، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا  
عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.